



RIBUAN bangkai ikan terapung dipercayai akibat kesan pencemaran bahan beracun berhampiran tebing Sungai Melaka, Melaka, semalam.

Ribuan ikan mati di Sungai Melaka

MELAKA 21 April - Penduduk Kampung Enam berhampiran tebing Sungai Melaka di sini terkejut apabila menemukan ribuan ikan yang terapung sepanjang kira-kira tiga kilometer dipercayai mati akibat kesan pencemaran bahan beracun, hari ini.

Kejadian itu disedari penduduk kampung tersebut kira-kira pukul 8 pagi ini selepas terhidu bau busuk dari sungai berkenaan.

Mereka kemudian segera memeriksa sekitar kawasan itu dan menemukan ribuan bangkai ikan di sepanjang sungai sehingga ke Bachang iaitu sejauh kira-kira tiga kilometer dari kampung mereka.

Pembantu Khas Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun) Kesidang, Harun Ali berkata, kejadian tersebut sangat pelik dan tidak pernah berlaku di sepanjang sungai tersebut.

"Penduduk syak berlaku pencemaran air di sungai itu sehingga mengakibatkan ribuan ikan men-

galami keracunan dan mati.

"Saya mewakili penduduk berharap pihak yang berkenaan menyiasat dan mengambil tindakan segera mengenai perkara ini," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Sementara itu, seorang penduduk, Latipah Ab. Wahab, 44, berkata, dia terhidu bau busuk sejak pagi ini dan terkejut apabila mendapati punca bau tersebut datang dari ribuan bangkai ikan yang terapung di sungai berhampiran rumahnya.

"Saya kemudian segera membuat laporan polis bagi membolehkan pihak berkaitan mengambil tindakan segera," katanya.

Sementara itu, tinjauan di lokasi kejadian mendapati kakitangan Jabatan Alam Sekitar telah mengambil sampel air sungai berkenaan untuk siasatan lanjut.

Difahamkan, sampel berkenaan akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis sebelum punca sebenar kejadian diketahui.